

# Jabatan Perangkaan mula operasi di pejabat baru

■ MOHD TAHA YAACOB

**KAMPUNG RAJA** - Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Terengganu membuka sebuah Pusat Operasi di daerah yang dirasmikan pembukaannya oleh Ketua Perangkaan Malaysia, Wan Ramlah Wan Abd Raof di pejabat operasi baru, semalam.

Pembukaan pejabat operasi ini adalah yang pertama di negeri ini selain ibu pejabat negeri di Kuala Terengganu manakala sebuah lagi pusat operasi yang sama akan dibuka di Kerteh, Kemaman tidak lama lagi.

Menurut Wan Ramlah, pembukaan pusat operasi itu adalah termasuk dalam senarai 14 buah pusat operasi yang baru yang telah diluluskan kerajaan sebagai tambahan daripada 14 pusat operasi sedia ada di seluruh Malaysia.

Katanya, pusat operasi di daerah ini mempunyai seramai enam kakitangan termasuk seorang penyelia yang akan bertanggungjawab menjalankan pelbagai tugas bancian dan mengumpul data di Daerah



Wan Ramlah (tiga dari kanan) bergambar bersama Pengarah Jabatan Perangkaan Negeri, Ishak Adanan (tengah) bergambar dan kakitangan Jabatan Perangkaan Malaysia cawangan Besut yang dirasmikan di Kampung Raja semalam.

Besut serta Setiu.

"Sebelum ini kakitangan kami di Kuala Terengganu terpaksa turun ke dua daerah ini untuk membuat segala bancian tetapi kini kita sudah menempatkan kakitangan tetap

di sini dan saya berharap dengan penubuhan pejabat operasi baru ini, ia dapat mempercepatkan lagi kerja pungutan data di dua daerah tersebut," katanya.

Menurutnya, usia penubu-

han Jabatan Perangkaan Malaysia sudah mencecah 59 tahun dan dalam tempoh tersebut telah banyak perubahan berlaku dan dilaksanakan pelbagai pendekatan bertujuan meningkatkan kualiti anggota

serta perkhidmatan. Pada tahun hadapan akan diadakan Program Sambutan ke 60 Jabatan Perangkaan Malaysia.

Jabatan Perangkaan menjalankan pelbagai tugas bancian serta penyiasatan terhadap 84 perkara seperti bancian penduduk, bancian harga barang, bancian ekonomi pertanian, bancian perlancungan, penyiasatan tenaga buruh dan sebagainya.

Sementara itu, Wan Ramlah meminta orang ramai untuk memberi kerjasama serta maklumat yang tepat jika mereka dilawati kakitangan Jabatan Perangkaan Malaysia di rumah sebab dengan data tersebut, ia akan diserahkan kepada kerajaan untuk dibuat dasar. Data yang tepat amat diperlukan agar dasar kerajaan pun tepat.

"Memang ada orang awam yang curiga dengan kedatangan kakitangan kita menyebabkan mereka acuh tidak acuh memberi maklumat sedangkan perkara itu tidak perlu berlaku sebab pegawai kita akan menunjukkan kad pengenalan diri," katanya.